

# MSM CATAT PENINGKATAN HASIL SEBANYAK 8.2%

**KUALA LUMPUR, OGOS 23, 2016** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), menunjukkan peningkatan hasil sebanyak 8.2% kepada RM1.18 bilion pada separuh tahun TK2016 walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar - disebabkan aliran harga global gula mentah yang kian meningkat dan kadar pertukaran nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM) yang tidak menguntungkan berbanding USD.

Perbandingan suku kedua, MSM mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 7.7% dari RM588.32 juta kepada RM633.86 juta dari tahun sebelumnya disertakan dengan peningkatan volum jualan sebanyak 4%. Keputusan ini dibantu oleh jualan yang lebih tinggi bagi segmen Domestik & Eksport, sebanyak 19% dan 22% masing-masing.

Disebabkan peningkatan mendadak harga komoditi serta tinjauan pasaran Forex yang mencabar, MSM mencatatkan margin keuntungan kasar sebanyak RM85.92 juta berbanding suku sebelumnya dari RM103.59 juta.

Dengan separuh awal 2016 dipengaruhi oleh cabaran luar yang tidak mampu dikawal, kos pengeluaran yang meningkat, ditambah pula dengan 59% peningkatan harga gas asli berbanding suku kedua tahun sebelumnya. Bagi suku kedua TK2016, keuntungan sebelum cukai (PBT) mencatat RM31.08 juta manakala keuntungan selepas cukai (PAT) mencatat RM23.68 juta.

"Industri gula global dipengaruhi oleh harga gula mentah yang kian meningkat. Atas faktor ini, kami amat berhati-hati dengan keadaan pasaran semasa. Kini, keutamaan kami adalah untuk menumpu pada pelan pertumbuhan sedia ada dan kekal kukuh untuk mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun ini," kata Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari.

Amri Sahari menambah, "Saya yakin dengan rancangan agresif yang disertakan dalam pelan hala tuju strategik kami akan melindungi pendapatan, keuntungan dan nilai sasaran syarikat. Strategi ini telah dilaksanakan melalui pelarasan harga bagi segmen industri, pengukuhan

strategik bagi mekanisme pembelian gula mentah dan lindung nilai serta inisiatif pengurusan kos, terutamanya dengan pembinaan projek kilang gula di Johor dan kawalan pada kos 'CAPEX'.

Jelasnya, MSM sentiasa berusaha untuk mencapai pertumbuhan kewangan yang menguntungkan seiring dengan mengekalkan penyata untung rugi yang sihat. Dengan pembinaan kilang gula di Johor berjalan dengan baik dan ditetapkan sebagai pemangkin untuk pertumbuhan eksport, serta peluang sedia ada di negara-negara Asia Tenggara (SEA) yang menawarkan faedah sinergi, MSM berpeluang untuk pertumbuhan keuntungan dalam jangka masa panjang.

Dari aspek dagangan, MSM berharap pasaran semasa bagi gula mentah akan mencerminkan asas fizikal yang lebih besar dari Amerika Tengah, terutamanya dari negara Brazil apabila dikontrakkan keluar.

Kini MSM berusaha untuk memastikan bekalan gula yang stabil dengan bekerjasama bersama pihak berkepentingan serta memantapkan mekanisma strategi pasaran hadapan (hedging) untuk pengurusan stok yang lebih baik. Kini, MSM kekal menguasai majoriti bahagian pasaran gula domestik.

Pada waktu yang sukar ini, MSM yakin untuk mengatasi keadaan cabaran semasa dan bergerak seiring ke arah matlamat menjadi antara 10 pemain utama gula global menjelang 2020.

**-TAMAT-**

## **Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluaran gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dan telah muncul sebagai salah satu daripada 50 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM3.5 bilion (sehingga 2015).

Secara dasarnya, MSM mengoperasikan perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpangkalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2015, MSM telah menghasilkan 1,033,519 tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan 17% adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik sebanyak 65%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi:*

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Muhammad Aniz Mohd Azmi**

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

[aniz.ma@msmsugar.com](mailto:aniz.ma@msmsugar.com)